

# IBRAH KISAH NABI KHIDIR DALAM SURAH AL-KAHFI TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ALAF BARU (Ibrah From The Story of Prophet Khidir in Surah al-Khafi Towards The New Millennium Of Teaching and Learning)

\* Ahmad Shafiq Mat Razali<sup>1</sup>, Mohd Faez Ilias<sup>1</sup>, Zetty Nurzuliana Rashed<sup>1</sup>, Mohd Izzuddin Pisol<sup>1</sup>, Mohammad Ehsan Ahmad Sokri<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: shafiq@kuis.edu.my

## Article History:

Submit: 7 October 2016

Accepted: 23 November 2016

Revised: 9 December 2017

Published: 28 December 2017

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 1, No. 2 (2017), 32-36

## Abstrak

Pembelajaran bukanlah sesuatu yang asing lagi dalam kalangan masyarakat di Malaysia pada hari ini. Hal ini dibuktikan melalui kepelbagaian program pembelajaran yang disiarkan melalui pelbagai saluran yang terdapat di Malaysia. Menjelang abad ke 21, pelbagai teknologi baru mula diperkenalkan bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Bermula tahun 2015, guru digalakkan untuk menggunakan pendekatan baru dalam memantapkan PdP dalam kelas antaranya persekitaran pembelajaran emosi yang menekankan kepada penghormatan, motivasi, peraturan dan ganjaran. Namun demikian, keperluan pembelajaran tersebut mestilah selaras dengan apa yang digariskan oleh syariat Islam. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan mengenai *Ibrah* pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kisah Nabi Khidir dalam surah al-Kahfi (60-82). Metode kajian ini adalah analisis terhadap surah tersebut berpandukan pandangan dari kitab tafsir seperti Tafsir al-Azhar, Tafsir Ibn Kathir, dan Tafsir Tabari. Penelitian dilakukan terhadap metode yang digunakan oleh Nabi Khidir ketika proses PdP berlangsung. Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi PdP yang digunakan dalam penyampaian kepada pelajar memerlukan penggunaan kaedah interaksi dua hala di antara penyampai dan pendengar berdasarkan contoh (antara guru dan pelajar secara langsung), *Tadarruj* (beransur-ansur), *al-Tarhib wa Targhib* (galakan dan ancaman). Kaedah ini dilihat sebagai salah satu kaedah yang efektif dalam PdP alaf baru khususnya dalam pembentukan akhlak pelajar.

**Kata kunci:** Nabi Khidir, Konsep pengajaran dan pembelajaran, Surah al-Kahfi

## Abstract

*Learning is a common thing among our society in Malaysia nowadays. This is proved by the diversity of learning programs that are broadcast through various channels that are available in Malaysia. By the 21<sup>st</sup> century, various new technologies have begun to be introduced to enhance teaching and learning (PdP). Starting in 2015, teachers are encouraged to use new approaches in strengthening PdP in the classroom including emotional learning environment that emphasizes respectation, motivational, regulations and rewards. However, that requirement of learning must be consistent with what is outlined by the Islamic law. Therefore, this paper will discuss about Ibrah of the teaching and learning based on the story of the Prophet Khidir in surah al-Kahfi (60-82). The method of this study is an analysis of the surah based on the views of the tafsir books such as Tafsir al-Azhar, Tafsir Ibn Kathir, and Tafsir Tabari. The research has been done towards the methods used by the Prophet Khidir during the PdP process. The results show that the strategy of PdP that has been used in the presentation to students requires the use of two-way interaction between presenter and listeners based on example of (directly between of teacher and students), *Tadarruj* (gradually), *al-Tarhib wa Targhib* (encouragement and threat). This method is seen as one of the effective methods in the new millennium of PdP, especially in the formation of student's morality.*

**Keywords:** Prophet Khidir, Concept of teaching and learning, Surah al-Kahfi

## 1.0 PENDAHULUAN

Islam sentiasa menggalakkan umatnya agar sentiasa mendalami pelbagai ilmu pengetahuan terutamanya ilmu al-Quran agar tidak mudah terjerumus ke dalam kancang kejahilan. Amalan meneliti pedoman dan pengajaran daripada al-Quran atau dikenali sebagai *tadabbur* al-Quran merupakan satu perkara yang kurang diberi perhatian oleh umat Islam pada hari ini. Mereka seakan-akan dilalaikan oleh media sosial dan pelbagai bentuk permainan sehingga terlupa bahawa kitab al-Quran merupakan sebuah kitab yang diturunkan kepada mereka untuk diteliti difahami dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Sekiranya tuntutan dan suruhan tersebut diabaikan tidak mustahil sekiranya umat Islam mula mundur dan terus tertindas terhadap apa yang diperintahkan menerusi al-Quran. Maka, menjadi satu kewajipan setiap umat Islam untuk berusaha mencari inisiatif untuk mempelajari al-Quran agar mereka dapat memahami setiap isi kandungan al-Quran dengan betul sekali gus menjadi galakan untuk beramal dengannya. al-Quran telah menjelaskan kepada umat Islam perihal perumpaan supaya manusia berfikir, mentadabbur serta menghayati isi kandungan yang disampaikan, sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

Sesungguhnya pada kisah-kisah para rasul terdapat pengajaran bagi orang yang cerdas berfikir. Apa yang diceritakan al-Quran itu bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi suatu penegasan terhadap ajakan sebelumnya dan sebagai penjelasan tentang segala sesuatu dan merupakan petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman.

(Yusuf: 12: 111)

Strategi dan pendekatan P&P yang digunakan al-Quran berdasarkan kisah tersebut perlu dirungkaikan supaya agar segala hikmah dan rahsianya dapat kita amalkan. Oleh yang demikian, kisah yang terdapat dalam al-Quran yang ingin dianalisis dalam artikel ini ialah kisah perjalanan Nabi Musa a.s. yang disematkan Allah S.W.T dalam surat al-Kahfi ayat 60-62. Ibrah daripada kisah ini amat berkait rapat dengan proses pendidikan (Penghormatan, Motivasi, Peraturan dan Ganjaran) kerana interaksi antara kedua-dua Nabi Allah S.W.T mengandungi unsur-unsur pendidikan di dalamnya.

Sehubungan dengan itu, diharap kajian ini dapat membantu mewujudkan pembelajaran berkesan serta dapat menyumbang kepada pembaharuan dalam proses pembelajaran pelajar selaras dengan P&P alaf baru.

### 1.1 Ringkasan Kisah Nabi Musa a.s. dan Nabi Khidir a.s.dari Surah Kahfi

Diriwayatkan dari Imam Bukhari bahawa Nabi Musa a.s telah berkhotbah dalam hadapan kaumnya iaitu Bani Israel. Ketika sedang berkhotbah baginda telah diajukan soalan berkaitan dengan siapakah yang paling mengetahui dalam kalangan manusia. Maka jawab Nabi Musa a.s. bagindalah yang paling pandai. Kisah ini telah disebut kembali oleh Rasulullah dan diriwayatkan oleh Imam Bukhari sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w;

حَدَّثَنَا أَبِي بْنُ كَعْبٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَامَ مُوسَى النَّبِيُّ خَطِيبًا فِي بَنِي إِسْرَائِيلَ فَسُئِلَ أَيُّ النَّاسِ أَعْلَمُ فَقَالَ أَنَا أَعْلَمُ فَعَتَبَ اللَّهُ عَلَيْهِ إِذْ لَمْ يَرِدْ الْعِلْمَ إِلَيْهِ فَأَوْحَى اللَّهُ إِلَيْهِ أَنَّ عَبْدًا مِنْ عِبَادِي بِمَجْمَعِ الْبَحْرَيْنِ هُوَ أَعْلَمُ مِنْكَ قَالَ يَا رَبِّ وَكَيْفَ بِهِ فَقِيلَ لَهُ احْمِلْ حُوتًا فِي مِكْتَلٍ فَإِذَا فَقَدْتَهُ فَهُوَ تَمَّ فَأَنْطَلِقْ وَأَنْطَلِقْ بِفَتَاهُ يُوشَعَ بْنِ نُونٍ وَحَمَلًا حُوتًا فِي مِكْتَلٍ حَتَّى كَانَا عِنْدَ الصَّخْرَةِ وَضَعَا رُءُوسَهُمَا وَنَامَا فَأَنْسَلَّ الْحُوتُ مِنَ الْمِكْتَلِ

Maksudnya: Diceritakan kepada kami daripada Ubai bin Ka'ab, katanya daripada nabi Muhammad s.a.w Imam Bukhari diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w berkata, pada suatu hari Nabi Musa a.s. bangun berdiri untuk berkhotbah dihadapan kaum bani Israel. memberikan khutbah, lalu dia ditanya: "Siapakah orang yang paling pandai?" Nabi Musa menjawab: "Aku" Maka Allah S.W.T mencelanya. Lalu Allah S.W.T memahyukan kepadanya: "Ada seorang hamba di antara hamba-Ku yang tinggal di pertemuan antara dua lautan lebih pandai darimu." Lalu Nabi Musa berkata, "Wahai Rabb, bagaimana aku boleh bertemu dengannya?" Maka dikatakan padanya: "Bawalah ikan dalam keranjang, nanti apabila kamu kehilangan ikan itu, maka itulah petunjuknya." Lalu berangkatlah Nabi Musa bersama pelayannya yang bernama Yusya' bin Nun, dan keduanya membawa ikan dalam keranjang hingga keduanya sampai pada batu besar. Lalu keduanya meletakkan kepalanya di atas batu dan tidur. Kemudian keluarlah ikan itu dari keranjang (lalu ikan itu melompat turun ke laut itu).

(H.R Bukhari. Hadis No. 119)

Lantaran itu, maka Nabi Musa a.s segera menemui seorang pemuda sebagai teman. Dalam perjalanan tersebut dengan disediakan seekor ikan sebagaimana telah diperintahkan oleh Allah kepadanya. Beliau telah berjanji bahawa baginda tidak akan kembali sebelum sampai ke tempat yang dituju, meskipun terpaksa mengharungi perjalanan yang memakan masa bertahun lamanya. Hal ini telah dirakamkan oleh Allah S.W.T dalam surah al-Kahfi sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

Dan (ingatlah) ketika Musa berkata kepada muridnya: "Aku tidak akan berhenti (berjalan) sebelum sampai ke pertemuan dua buah laut atau aku akan berjalan sampai bertahun-tahun".  
(al-Kahfi: 18: 60)

Setelah baginda (Nabi Khidir) dan sahabatnya menempuh perjalanan yang jauh, tanpa disedari, mereka telah sampai ke satu daerah yang dikatakan pertemuan antara dua lautan. Disebabkan keletihan baginda dan sahabatnya telah tertidur dan takdir Allah S.W.T ikan yang dibawa mereka telah melompat dan terus masuk ke dalam lautan. Satu-satunya orang yang menyaksikan kejadian tersebut adalah sahabatnya. Namun, sahabatnya telah dilupakan oleh Allah S.W.T untuk menceritakan kepada Musa akibat gangguan dan tipu daya syaitan. Ikan tersebut telah meluncur laju masuk ke dalam lautan dengan cara yang ajaib.

Setelah Nabi Musa bangun dari tidurnya, ia memerintahkan pada pemuda itu untuk bersiap-siap melanjutkan perjalanannya ('Abd Allah Nasih 'Ulwan, 1989). Perjalanan seterusnya berlangsung sehinggalah ia berhenti dan meminta bekalan makanan daripada sahabatnya. Ketika itu, barulah Yusha menceritakan kepada baginda perihal kejadian yang berlaku. Oleh itu, Nabi Musa mengambil keputusan untuk berpatah kembali ke tempat mereka berehat tadi. Hal ini kerana, baginda telah mengetahui bahawa di tempat hilangnya ikan itulah beliau akan menemui guru yang diperintah Allah S.W.T. Setelah tiba ditempat tersebut, bertemulah baginda dengan gurunya sebagaimana yang telah ditakdirkan Allah S.W.T.

Seterusnya, kisah selanjutnya ialah peristiwa penting antara Nabi Musa dengan Nabi Khidir sehingga memaksa mereka dua berpisah antara satu sama lain. Peristiwa tersebut telah diletakkan Allah S.W.T dalam surah al-Kahfi 65-82. Peristiwa tersebut ialah membocorkan perahu, membunuh anak dan memperbaiki tembok rumah.

## 2.0 METODOLOGI PENDIDIKAN

### 2.1 *Tadarruj* (Beransur-ansur)

Metod pendidikan apa yang dipakai oleh Nabi Khidir dalam mendidik Musa metod "contoh tauladan". Pendekatan ini adalah cara yang berkesan dan banyak manfaatnya dalam memastikan pembentukan peribadi pelajar. Sekiranya pendidik merupakan orang yang benar dan boleh dipercayai maka benarlah pelajar tersebut, dan sekiranya pendidik merupakan orang yang khianat maka pelajar tersebut juga akan terbiasa dengan sifat sedemikian ('Abd Allah Nasih 'Ulwan, 1989). Namun begitu, kebijaksanaan baginda ialah baginda terlebih dahulu bertanyakan pada muridnya tentang tujuan kedatangan sebelum berlangsungnya permusafiran antara kedua nabi Allah. Ketika berlangsungnya ekspedisi tersebut, baginda telah memberi amaran dan teguran dengan tenang bahawa muridnya ini tidak akan dapat bersabar dengan sebarang tindakan yang akan dilalui olehnya. Daripada peristiwa tersebut, pengkaji dapat meneliti bahawa metode yang digunakan oleh Nabi Khidir iaitu tunjuk ajar dan contoh teladan tersebut sesuatu yang amat penting ketika proses pengajaran berlangsung. Walaupun dalam hal ini, peristiwa yang berlaku sebenarnya adalah peristiwa luar biasa dan melangkaui akal yang waras.

Akan tetapi, Nabi Musa telah melanggar arahan sehingga beliau bertanya tetapi Nabi Khidir berkali-kali memberikan teguran kepada Nabi Musa atas kesalahan muridnya itu. Beliau tidak memarahi akan tindakan Nabi Musa disebabkan kesalahan tersebut, melainkan menegurnya dengan lemah lembut dan ikhlas. Tindakan inilah yang menyedarkan Nabi Musa dan lantas mengubah diri baginda agar lebih berhati-hati dan menyedari akan kesilapan. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

Dia (Khidir) berkata: "Bukankah aku telah berkata: "Sesungguhnya kamu sekali-kali tidak akan sabar bersama dengan aku".  
(al-Kahfi: 18: 60)

Daripada peristiwa ini, dapat disimpulkan bahawa proses menuntut ilmu memerlukan masa yang panjang dan berlaku secara sistematik dan beransur-ansur. Apatah lagi ilmu tersebut adalah suatu ilmu baharu yang memerlukan kepada masa yang panjang untuk menguasai. Dalam peristiwa ini, Nabi Khidir

telah memberi beberapa piawaian tertentu kepada Nabi Musa iaitu peraturan pertama supaya tidak bertanyakan soalan melainkan setelah tiba masa yang sesuai berlangsung.

Selain itu, Nabi Musa turut melanggar perjanjian iaitu beberapa kali bertanyakan kepada Nabi Khidir tentang pelajaran yang belum berhak dipelajarinya. Walaupun telah diingatkan diperingkat awal sebelum perjalanan bermula. Namun Nabi Khidir menegurnya dengan tenang tentang sifat muridnya yang kurang bersabar. Oleh itu, Nabi Khidir telah membiasakan diri agar tidak tergesa-gesa dalam menghukumi sesuatu, berdasarkan pada ilmu yang dimiliki. Dari hal ini, kita dapat lihat bahawa Nabi Khidir secara beransur-ansur memberikan tunjuk ajar yang baik kepada Nabi Musa supaya sesi seterusnya berlangsung dengan baik.

Kesimpulannya, sebagai seorang pendidik dan pelajar, seharusnya proses menuntut ilmu memerlukan masa yang secukupnya dan tidak dilakukan secara tergesa-gesa. Apatah lagi, ilmu yang ingin disampaikan tersebut adalah suatu ilmu baru seperti yang berlaku kepada kisah Nabi Khidir dan Nabi Musa.

## 2.2 Interaksi Dua Hala Berdasarkan Contoh

Pada dasarnya, pendidikan alaf baru mengkehendaki pendidik dan pelajar berinteraksi antara satu sama lain. Setiap proses interaksi terjadi berdasarkan situasi, bukannya tertumpu pada satu pihak sahaja. Zawawi Ahmad (1998), interaksi yang terhasil diperkukuhkan lagi dengan bukti dan huraian mampu menarik minat dan perhatian pelajar terhadap sesuatu isu pendidikan yang diperbincangkan.

Sebagaimana peristiwa yang berlaku antara Nabi Khidir dan Nabi Musa, sebelum berlakunya permusafiran, terlebih dahulu telah berlakunya sesi interaksi dan soal jawab antara mereka berdua. Namun, dengan kewibawaan dan sifat lemah lembut Nabi Khidir mengingatkan muridnya membuatkan Nabi Musa merasa malu dan segan dalam masa yang sama sifat yakin bagi mendapatkan kepastian mengajukan soalan bagi meyakinkan dirinya. Mereka berdua bagaimanapun meneruskan perjalanan menuju ke destinasi tertentu yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Di sepanjang perjalanan tersebut, Nabi Musa telah ingkar kepada janjinya iaitu beliau telah mengajukan soalan kepada Nabi Khidir disebabkan tindakan baginda diluar kefahaman manusia biasa. Oleh itu, setelah berlakunya pelanggaran janji kali ketiga, akhirnya Nabi Khidir memutuskan untuk berpisah, sebagaimana firman Allah S.W.T maksudnya:

Nabi Khidir berkata: “Inilah perpisahan antara aku denganmu; kelak akan ceritakan padamu maksud perbuatan yang kamu tidak dapat bersabar dengannya.

(Al-Kahfi: 18: 78)

Rentetan daripada peristiwa ini, dapatlah disimpulkan bahawa interaksi dua hala antara Nabi Khidir dengan Nabi Musa lebih memudahkan urusan antara keduanya seperti penerangan tentang pantang larang dan tegahan ketika permusafiran berlaku. Disamping itu, persoalan yang ditanya oleh Nabi Musa kepada gurunya bertujuan untuk merungkaikan segala tanda tanya yang tidak mampu ditafsirkan oleh ilmu yang dimiliki olehnya. Inilah salah satu tanda kelebihan yang diberikan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Khidir sehingga menyebabkan Nabi Musa mula memuhasabah dirinya.

## 2.3 *al-Tarhib wa Targhib* (Galakan dan Ancaman)

Pada peristiwa ini, Nabi Khidir telah menggunakan pendekatan *al-Tarhib wa Targhib* kepada anak muridnya mengikut tunjuk ajar yang diberikan padanya. Menjadi amalan keutamaan kepada para nabi dan rasul untuk mengajar melakukan sesuatu berbanding menegah dari melakukannya. Ini kerana umum mengetahui bahawa sifat manusia adalah gemar diberikan tunjuk ajar terhadap sesuatu perkara berbanding menyalahkan apa yang mereka lakukan dalam perkara tersebut (Kamarul Azmi dan Ab. Halim, 2007) lebih-lebih lagi dalam hal yang melibatkan ilmu yang belum pernah diketahui.

Perlu diingatkan bahawa baginda telah meminta Nabi Musa supaya mengikuti dan patuh dengan arahan yang diberikan. Arahan yang dikeluarkan ini bukan bertujuan untuk mengekang dari terungkainya hikmah disebalik peristiwa yang berlaku sebaliknya untuk melancarkan proses permusafiran mereka sehingga tiba waktu yang ditentukan.

## 3.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, metodologi penyampaian dalam dibincangkan ini merupakan sebahagian daripada metodologi yang boleh diguna pakai oleh pendidik dalam mempraktikkan ilmu PdP Pendidikan Islam

memandangkan kedudukan guru kerap kali dipertikaikan oleh pelajar sedangkan setiap huraian belum sepenuhnya diberikan. Metodologi yang dibincangkan dalam artikel ini hanyalah sebahagian kecil yang digunakan oleh baginda dalam memberi pengajaran kepada Nabi Musa. Di samping itu, setiap tindak tanduk yang dilakukan oleh baginda juga sebenarnya adalah berdasarkan wahyu Allah S.W.T. Namun sedikit perbincangan yang dimuatkan ini diharap dapat dijadikan sandaran asas dalam menentukan hala tuju cara mendidik pelajar di zaman yang kian mencabar ini.

#### 4.0 RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim.

‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (1989), Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam, Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd.

‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (1989), Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam, Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd (Tt), H. 633.

Ab. Halim Tamuri Dan Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. (Pnyt.). (2010). Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Bukhari. Hadis No 119. Bab Ma Yustabbu Lil Alim, Iza Su’ila Ayyu Nas Alim. Juz 1: Hlm. 207.

Al-Tabari. 2000. Jami’ Al-Bayan Fi Ta’wil Al-Quran. Juz 18. Hlm. 55.

Al-Tabari: Muhammad Bin Jarir Bin Yazid. (2000). Jami’ Al-Bayan Fi Ta’wil Al-Quran. Tahqiq: Ahmad Muhammad Syakir. Juz 18. Muassasah Al-Risalah.

Ibn Kathir. Abu Al-Fida’ Isma’il Bin Umar Bin Kathir. (1999). *Tafsir Al-Quran Al-Azim*. Juz: 5. Dar Tibah Linnashr Wa Tauzi’.

Kamarul Azmi Dan Ab. Halim Tamuri. (2007) Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Muhammad Ahmad Jad El-Maula. T.Th. Qasasul Quran. Mesir: Maktab Tijariyah Kubro. Hlm: 162.

Winarno Surakhmad. (1986). *Metodologi Pengajaran Nasional*. Bandung. Tarsito. Hlm; 14.

Zamri Mahamod Dan Nur Aisyah Mohamad Noor. (2011). Persepsi Guru Tentang Penggunaan Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu. GEMA Onlinetm Journal Of Language Studies, 11(3), Hlm163-177.

Zawawi Hj. Ahmad (1996). *Sains Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.